

Sebutan kes Shamsubahrin 21 Mei depan

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menetapkan 21 Mei depan untuk sebutan kes ahli perniagaan, Datuk Shamsubahrin Ismail yang menghadapi dua pertuduhan menipu Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail berjumlah RM1.755 juta.

Hakim Rozilah Salleh menetapkan tarikh itu selepas pihak pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai Datuk Abdul Razak Musa memaklumkan pihaknya menerima representasi daripada pihak pembelaan pada 14 Mac lalu untuk mengkaji semula pertuduhan yang dibuat terhadap Shamsubahrin.